

# Kerjasama ubah persepsi negatif terhadap IPTS

B.H 09/06/08 M/S 9

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**DARIPADA kaca mata Datuk, sejauh manakah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan Kementerian Pengajian Tinggi mampu merangsang kemajuan industri pengajian tinggi swasta di negara ini.**

Pertama, saya ingin mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang baru. Pelantikan ini adalah kesinambungan kepada kepemimpinan menteri sebelum ini, Datuk Mustapa Mohamed. Malah, menteri baru juga meneruskan komitmen menjayakan dasar Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Kita sedia maklum bahawa institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia berkembang pesat secara berperingkat sejak 20 tahun lalu. IPTS kini memainkan peranan besar sekiranya dilihat dari segi nisbah enrolmen pelajar antara IPTA dan IPTS yang hampir seimbang, iaitu memecah 50:50. Selain itu, banyak IPTS turut melabur berjuta-juta ringgit dalam membangunkan sektor berkenaan, sekali gus memberi peluang pekerjaan yang banyak dan menyediakan peluang pendidikan kepada ramai pelajar. IPTS juga komited ke arah usaha menjana modal insan bagi menjayakan aspirasi negara.

Ada tujuh teras utama digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, iaitu meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguhkan penyelidikan dan inovasi, memperkasa IPT, mempergiat pengantarabangsan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi. Pelan ini pasti akan membantu merangsang kemajuan IPTS dengan mengimbang serta menanganinya dikotomi antara IPTA dan IPTS di Malaysia. Apabila dikotomi polisi ini dapat diseimbangkan, IPTS berpeluang memainkan peranan lebih luas bagi menyeimbangkan akses dan ekuiti dalam bidang pengajian tinggi. Pada masa sama, ia juga dapat membetulkan persepsi bahawa graduan IPTS adalah graduan kelas kedua dan IPTS pula institusi kelas kedua.

**Bagaimanakah isu dikotomi antara IPTA dan IPTS akan menjejaskan perkembangan bidang pengajian tinggi negara.**

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara meletakkan asas tiada

perbezaan antara IPT di Malaysia, sama ada IPTS mahupun IPTA, dalam memastikan kejayaan agenda pendidikan tanah air. Justeru, sekiranya isu dikotomi polisi antara IPTA dan IPTS tidak ditangani, ia akan memberi impak terhadap kualiti pengajian tinggi negara. Malah, ia akan merencat perkembangan dalam mengoptimalkan modal insan di IPTS seperti dalam konteks keseimbangan akses dan ekuiti serta memperteguhkan penyelidikan dan inovasi. Dari perspektif pelajar yang bakal memasuki IPT pula, mereka memperolehi persepsi negatif mengenai kualiti dan pilihan 'academic pathway' di IPTS.

Persepsi sebegini, sekiranya meluas dan merata, akan membantut pembangunan modal insan pada masa depan. Sebagai contoh, pelajar di sekolah bandar mungkin memperoleh maklumat serta persepsi kualiti dan pasaran kerjaya lebih luas berbanding rakan mereka di sekolah luar bandar. Berikutan itu, pelajar yang terikat dengan persepsi dikotomi ini akan beranggapan bahawa melanjutkan pelajaran ke IPTS adalah kelas kedua, tiada kualiti dan bidang pengajian tidak menjurus kepada kerjaya pilihan mereka. Sekiranya obsesi dikotomi ini tiada, saya percaya kita boleh membuka pintu lebih luas kepada pelajar untuk menentukan 'academic pathway' pilihan mereka, secara langsung melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian diminati bagi merealisasikan cita-cita, bukan atas persepsi bahawa kemasukan ke universiti tertentu saja boleh menjadi pilihan kualiti dan kerjaya.

**Bagaimanakah masalah dikotomi ini harus ditangani.**

Masalah dikotomi ini dapat ditangani dengan pelaksanaan sepenuhnya Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. IPTS juga perlu menterjemahkan pelan strategik itu dalam institusi masing-masing yang natijahnya nanti memastikan kualiti semua IPT pada masa akan datang dapat dipertingkatkan. Justeru, saya melihat komitmen daripada semua pihak berkepentingan dalam pelan strategik ini amatlah kritikal, sama ada Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), IPTA, IPTS, badan penaja seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), badan profesional, pensyarah, pelajar dan ibu bapa. Keseragaman polisi juga akan memberi kesan optimum kepada perkembangan IPTS. Misalnya, mana-mana

IPTS yang sudah mencapai tahap atau kualiti ditetapkan MQA, harus mendapat sokongan daripada semua 'stake holder' lain seperti Jabatan Pengajian Tinggi, PTPN dan badan profesional untuk memperkasakan IPTS berkenaan.

Dengan ada komitmen menyeluruh sedemikian, sudah tentu tiada rasa curiga terhadap IPTS di kalangan pembuat dasar, badan penaja, pensyarah mahupun pelajar dan ibu bapa. Management & Science University (MSU) misalnya, sentiasa peka kepada kualiti pendidikan sebagai teras kecemerlangan dengan meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan, selain memperkukuh jalinan berterusan dengan pihak industri. Seterusnya, MSU juga menawarkan pilihan bidang kritikal yang memenuhi tuntutan pasaran kerjaya supaya dapat mencungkil potensi terbaik daripada pelajar, secara langsung memberi mereka peluang untuk menjadi graduan dan anggota masyarakat yang baik pada masa depan. Dalam pada itu, kita juga mengharapkan sokongan semua 'stake holder' untuk terus menjadi kompetitif dan seterusnya meningkatkan akses ke IPT.

**Memandangkan persepsi berikutan obsesi dikotomi ini boleh dikatakan sudah sebatian dengan sebahagian besar masyarakat, apakah langkah boleh diambil kerajaan dan IPTS sendiri untuk mengubahnya.**

Kita mestilah melaksanakan program dan polisi yang memberi persepsi positif kepada IPTS. Pembabitan IPTS dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara secara menyeluruh dengan input dan komitmen daripada semua 'stake holder' perlu ditingkatkan. Di samping itu, jalinan kerjaya dan komunikasi antara pihak IPT, tidak kira IPTA atau IPTS, dan pihak sekolah perlu terus diperkukuh demi memberi pendedahan kepada pelajar daripada peringkat awal lagi.

**Adakah Datuk setuju dengan pandangan bahawa satu lagi faktor persepsi negatif wujud terhadap IPTS ialah institusi ini dilihat sebagai 'mengejar pelanggan'.**

I ni berbalik kepada soal dikotomi sebab kita ada mekanisme pengambilan pelajar berbeza untuk IPTA dan IPTS. Sekiranya semua IPT di negara ini dikehendaki mendapatkan pelajar sendiri, saya pasti tidak timbul persepsi sebegini.



“ Saya percaya kita boleh membuka pintu lebih luas kepada pelajar untuk menentukan ‘academic pathway’ pilihan mereka, secara langsung melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian diminati bagi merealisasikan cita-cita, bukan atas persepsi bahawa kemasukan ke universiti tertentu saja boleh menjadi pilihan kualiti dan kerjaya”

**Mohd Shukri Ab Yajid**  
Presiden dan Naib Canselor MSU

**? Adakah Datuk ingin mencadangkan polisi pengambilan pelajar seperti itu.**

Dalam konteks jangka panjang, mekanisme pengambilan pelajar sebegitu patut dilaksanakan pada peringkat institusi bertaraf universiti. Saya benar-benar yakin bahawa pihak yang akan mendapat manfaat ialah pelajar sendiri kerana mereka boleh membuat pilihan terbuka untuk memasuki sebarang IPT sama ada IPTA atau IPTS. Berdasarkan polisi sedia ada, IPTA tidak perlu mencari pelajar kerana memang disalurkan menerusi Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Kementerian Pengajian Tinggi. Mekanisme ini juga akan merangsang semua IPT ke arah meningkatkan mutu penyampaian pendidikan dan perkhidmatan berkualiti dalam menarik kemasukan pelajar ke institusi masing-masing. Ini bermakna IPT yang benar-benar berkualiti akan ‘survive’. Dengan itu pada masa depan, soal ingin ‘mengejar’ pelajar tidak akan timbul lagi.

**? Adakah ini bermaksud Datuk mencadangkan IPTA juga ‘berdikari’ seperti IPTS dari segi pengambilan pelajar pada masa depan.**

Seperiti disebut, mekanisme tertentu boleh dibina yang akan membolehkan pelajar membuat pilihan terbuka ke atas semua IPT. Mekanisme itu tertakluk kepada kajian dan kepentingan dasar negara pada masa depan. Dalam konteks ini, saya bukan menekankan faedah kepada

IPTS, malah IPTS sebaliknya mungkin menghadapi lebih banyak masalah nanti berbanding sekarang tetapi itulah cara untuk maju ke depan pada pendapat saya. Yang penting, pelajar akan mendapat manfaat dan membuat pilihan sendiri, manakala IPT pula bertambah kompetitif.

**? Adakah penghapusan dikotomi ini boleh dilakukan.**

Ia boleh dilakukan jika ada komitmen daripada semua ‘stake holders’. Bagi saya Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara adalah satu ‘blue print’ yang cukup baik. MSU dan Kumpulan Kolej PTPL ingin sama-sama menjayakan pelan berkenaan bagi meningkatkan akses serta ekuiti ke IPT. Adalah wajar untuk semua pihak, termasuk MQA dan PTPTN, melihat dasar kemasukan 40 peratus kohort pelajar berumur antara 17 hingga 23 tahun ke IPT, sama ada IPTS atau IPTA. Penambahan tempat dan penajaan pelajar mesti berjalan seiring. Jika diambil contoh teras mengenai pengantarabangsaan IPT, semua ‘stake holder’ sepatutnya menggalakkan usaha ke arah itu. IPTS mampu bekerjasama untuk membantu kerajaan dalam usaha pengantarabangsaan pengajian tinggi negara, dengan membawa jenama Malaysia ke luar negara dan menarik pelajar asing ke Malaysia.

Misalnya, MSU sudah membuka International Medical School di Bangalore, India. Justeru, sokongan daripada semua ‘stake holder’ dan komitmen seperti aspek penajaan program pengajian di IPTS, akan

memacu pelaksanaan pelan strategik. Dalam teras pendidikan dan inovasi, kemudahan geran yang seimbang dengan keupayaan IPTS juga patut diberikan kepada IPTS berkemampuan. Bagi teras akses dan ekuiti, pinjaman pendidikan PTPTN pada peringkat pengajian pasca-siswazah, patut turut diberikan kepada pelajar IPTS, bukan terhad kepada IPTA saja. Pada masa sama, suatu insentif komprehensif bagi pembangunan IPTS sebagaimana dilaksanakan di negara lain seperti Jepun, boleh dilakukan ke arah memacu IPTS dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Insentif untuk IPTS ini sudah lama pada peringkat perbincangan saja.

**? Adakah Datuk ingin mendedikasikan supaya perkara itu disegerakan.**

Ia boleh dilakukan serentak dengan tempoh pelaksanaan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Elemen perlu ada ialah komitmen dan input daripada semua ‘stake holder’.

**? Apakah peruntukan insentif khusus tertentu untuk IPTS yang Datuk fikir perlu disegerakan.**

Banyak cadangan insentif yang sudah dibincangkan pada masa lalu dengan Kementerian Pengajian Tinggi, boleh dilaksanakan sementara insentif baru pula bolehlah dilihat menjelang pembentangan bajet akan datang.